



09 OCT, 2019

## Tubuh jawatankuasa atasi masalah pemberhentian pekerja

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

# Tubuh jawatankuasa atasi masalah pemberhentian pekerja

**KUALA LUMPUR 8 Okt.** - Satu jawatankuasa bagi menangani masalah pemberhentian pekerja perlu ditubuhkan oleh pihak kerajaan bagi mengatasi masalah yang boleh memberikan kesan sosial pada negara.

Cadangan itu dikemukakan Setiausaha Agung Pertubuhan Kebangsaan Pekerja Berkemahiran, Mohammad Rizan Hassan yang melihat masalah itu akan menyumbang kepada

pengangguran yang serius serta menjadi penyebab kepada isu jenayah dan masalah rumah tangga.

Jelasnya, kerajaan terutama Kementerian Sumber Manusia perlu membuat persediaan rapi bagi menghadapi masalah pemberhentian pekerja tersebut.

“Kenal pasti sektor yang boleh menyerap mereka atau serapkan mereka ke dalam program latihan semula. Apabila

ekonomi kembali pulih, mereka ada kemahiran untuk memasuki pasaran pekerjaan.

“Kerajaan tidak sewajarnya menangani isu itu secara tergesa-gesa sebaliknya mengadakan mekanisme tertentu untuk membendung perkara ini atau sekurang-kurangnya menempatkan mereka yang diberhentikan itu ke sektor lain,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.



09 OCT, 2019

## Tubuh jawatankuasa atasi masalah pemberhentian pekerja

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUALA LUMPUR 8 Okt. Satu jawatankuasa bagi menangani masalah pemberhentian pekerja perlu ditubuhkan oleh pihak kerajaan bagi mengatasi masalah yang boleh memberikan kesan sosial pada negara. Cadangan itu dikemukakan Setiausaha Agung Pertubuhan Kebangsaan Pekerja Berkemahiran, Mohammad Rizan Hassan yang melihat masalah itu akan menyumbang kepada

pengangguran yang serius serta menjadi penyebab kepada isu jenayah dan masalah rumah tangga. Jelasnya, kerajaan terutama Kementerian Sumber Manusia perlu membuat persediaan rapi bagi menghadapi masalah pemberhentian pekerja tersebut.